

BAB 3: Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat

BORANG PESANAN.

1. Borang pesanan merupakan borang yang digunakan untuk membuat pesanan untuk membeli barang.
2. Aktiviti belian akan bermula selepas pembeli meneliti sebut harga, senarai harga dan katalog.
3. Borang ini dihantar oleh pembeli kepada penjual.
4. Pembeli akan membuat pesanan barang niaga dengan menghantar borang pesanan belian kepada penjual.
5. Butiran berdasarkan maklumat dalam katalog.
6. Harga yang dinyatakan adalah berdasarkan sebut harga.
7. Maklumat dalam pesanan belian tidak perlu dimasukkan ke mana-mana buku perakaunan sebab proses jual beli belum bermula lagi.

BORANG PESANAN		ASAL No. 0182	
KEDAI KASUT ASZUAN 22, Jalan Pandamaran 42000 Pelabuhan Klang Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-31655213 Faks : 03-31655901 E-mel : aszuamhocs@tm.net.my			
SYARIKAT INDAH SDN BHD 198, Jalan 219, Putatan Point 88200 Putatan, Sabah		Tarikh : 3 Februari 2003	
Tuan,			
Sila bekalkan barang berikut:			
No. Rujukan	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)
M30	Kasut Wira	30 pasang	16.00
Z22	Kasut Hana	20 pasang	15.00
Serahan : Angkutan dibayar Syarat : Diskaun Tunai 5% 10 hari 2% 30 hari			
 Pengurus			

INVOIS.

Setelah penjual menerima pesanan belian daripada pembeli, penjual akan menghantar barang niaga kepada pembeli bersama dengan nota serahan.

Pembeli akan menyemak barang niaga yang diterima dengan nota serahan dan menandatangani.

Penjual pula akan menyediakan invois berdasarkan nota serahan yang disahkan oleh pembeli.

Invois merupakan dokumen perniagaan yang penting dalam urus niaga jual beli secara kredit.

Invois disediakan dalam tiga salinan, satu salinan asal dihantar kepada pembeli dan dua salinan lain digunakan oleh penjual sebagai rujukan.

Invois adalah dokumen penting yang digunakan sebagai sumber rekod perakaunan. Pembeli merekodkan butir-butir invois dalam Jurnal Belian manakala penjual merekodkan butir-butir invois dalam Jurnal Jualan.

Maklumat penting yang terdapat dalam invois ialah:

- Nama dan alamat penjual
- Nama dan alamat pembeli
- Tarikh invois disediakan
- Nombor invois, butir, kuantiti, harga seunit dan jumlah

Syarat-syarat urus niaga seperti:

Ang. dib - Singkatan bagi angkutan dibayar bermakna kos pengangkutan dibiayai oleh penjual

Diskaun tunai - Potongan yang diberi sebab bayaran dibuat dengan cepat, contoh 5% 10 hari bermaksud 5% diskaun tunai akan diberi jika pelanggan membayar dalam tempoh 10 hari.

K & K di K - Singkatan bagi kesilapan dan ketinggalan dikecualikan bermakna sebarang kesilapan dan ketinggalan boleh dibetulkan dengan menggunakan nota debit dan nota kredit.

SAJUAN		INVOIS		No. 1002	
Aspirasi Komunikasi Enterprise					
B12-1, Blok B					
Wisma Seri Ungkai					
88830 Kota Kinabalu, Sabah					
Tel : 088-765223 Faks : 088-765123					
E-mail : aspirasikom@sabah.net.my					
Jaja Handphone Shop					
No.133, Jalan Bakti 1					
Taman Industri Likas 2					
88838 Kota Kinabalu, Sabah					
				No. Pesanan : PO045	
				Tarikh : 8 Ogos 2006	
Butir	Kuantiti	Harga Semu (RM)	Jumlah (RM)		
NZK smartphone	5 unit	980.00	4,900.00		
NZK mphone e-23x	4 unit	640.00	2,560.00		
NZK lite QT10	4 unit	760.00	3,040.00		
			Jumlah Kasar	10,500.00	
Tolak:			Diskaun Niaga 10%	1,050.00	
			Jumlah Bersih	9,450.00	
Ringgit Malaysia : Sembilan Ribu Empat Ratus Lima Puluh. Sahaja					
Serahan : Ang. dib.					
Syarat : Diskaun tunai 10% 7 hari					
5% 14 hari					
K. & K. di K.					
<i>Pada Undian</i>					
Pengurus					

NOTA KREDIT.

1. Nota Kredit merupakan dokumen yang dihantar untuk mengurangkan hutang pembeli.
2. Dokumen ini akan dihantar apabila pembeli memulangkan bekas kosong, pembeli memulangkan barang kerana rosak atau silap jenama dan jika ada kesilapan dalam pengiraan invois.
3. Nota Kredit disediakan oleh penjual dan dihantar kepada pembeli.
4. Penjual menyimpan dokumen salinan dan pembeli menyimpan dokumen asal.



NOTA KREDIT

SYARIKAT INDAH SDN BHD

198, Jalan 219,
Putatan Point
88200 Putatan, Sabah
Tel : 088-764432 Faks : 088-764503
E-mel : inquiry@si.com.my

ASAL

Kedai Kasut Aszuan
22, Jalan Pandamaran
42000 Pelabuhan Klang
Selangor Darul Ehsan

No, Nota Debit : 12/X3
Tarikh : 18 Februari 2003

Akaun tuan dikreditkan dengan butir-butir berikut :

Butir	Jumlah
10 pasang kasut Hana dalam invoice no. 1233 bertarikh 12 Februari 20X3 yang berharga RM10.00 sepasang dikembalikan kerana didapati telah rosak.	RM 100.00
Tolak : Diskaun Niaga 20%	RM 20.00
	RM 80.00

Ringgit Malaysia : Lapan puluh sahaja

Waniam

Pengurus

NOTA DEBIT

Nota Debit merupakan dokumen yang digunakan untuk menambahkan hutang pembeli kerana mungkin invoice yang dihantar terkurang catat.

Nota Debit disediakan oleh penjual dan dihantar kepada pembeli.

Penjual menyimpan dokumen salinan dan pembeli menyimpan dokumen asal.



NOTA DEBIT

SYARIKAT INDAH SDN BHD

198, Jalan 219,
Putatan Point
88200 Putatan, Sabah
Tel : 088-764432 Faks : 088-764503
E-mel : inquiry@si.com.my

ASAL

Kedai Kasut Aszuan
22, Jalan Pandamaran
42000 Pelabuhan Klang
Selangor Darul Ehsan

No, Nota Debit : 036/X3
Tarikh : 15 Februari 2003

Akaun tuan didebitkan dengan butir-butir berikut :

Butir	Jumlah
30 pasang kasut Wira dalam invoice no. 1233 bertarikh 12 Februari 20X3 yang berharga RM16.00 sepasang dikenakan bayaran terkurang RM1.00 sepasang.	RM 30.00
Tolak : Diskaun Niaga 20%	RM 6.00
	RM 24.00

Ringgit Malaysia : Dua puluh empat sahaja

Waniam

Pengurus